

BERITA HARIAN

MINDA PENGARANG

Kemenangan di Tenang buktikan sokongan kepada BN semakin meningkat

KEMENANGAN Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang (NS) kelmarin memberi impak moral yang besar kepada jentera pilihan raya BN dan parti yang menganggotainya. Kelebihan undi majoriti 3,707 calon BN, Mohd Azhar Ibrahim, ke atas calon PAS, Normala Sudirman berbanding 2,492 pada Pilihan Raya Umum 2008, jelas membuktikan sokongan rakyat kepada BN semakin meningkat. Selain undi Melayu khususnya dari kawasan FELDA dan kampung tradisi yang menjadi sandaran, undi kaum Cina dan India turut membantu meningkatkan majoriti BN. Daripada 12 saluran peti undi yang disediakan Suruhannya Pilihan Raya (SPR), 11 peti undi dimenangi calon BN. Peti undi kawasan majoriti kaum Cina yang menjadi kubu kuat PAS pada pilihan raya umum lalu berjaya ditimbusi BN iaitu masing-masing peti undi Labis Timur dan Labis. Bagi peti undi Labis Timur, BN meraih 669 undi, manakala PAS (632 undi), sementara peti undi Labis, BN mendapat 400 undi dan PAS (336 undi). Bagaimanapun, BN tewas pada satu-satunya peti undi iaitu bagi kawasan majoriti kaum Cina iaitu di Labis Tengah dengan 365 undi, manakala PAS mendapat 851 undi. Walaupun majoriti undi BN yang diraih bagi dua peti undi terbabit kecil, masing-masing 37 dan 64 undi, ia sekurang-kurangnya membuktikan bahawa sudah ada perubahan pengundi Cina untuk kembali menyokong BN. Peningkatan undi kaum Cina di DUN Tenang cukup signifikan kerana ia juga boleh dijadikan petunjuk bahawa komuniti itu mula menerima corak pentadbiran yang dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terutama gagasan 1Malaysia dengan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Kita percaya BN kembali diterima rakyat semua kaum berbanding beberapa pilihan raya kecil sebelum ini, seperti di Parlimen Hulu Selangor dan Bukit Gantang dengan majoriti pengundi Cina tidak mengundi BN.

Justeru, kita melihat sudah ada perubahan positif dalam kalangan pengundi Cina dan India untuk menyokong BN. Mereka sebenarnya lebih rasional dalam melihat sesuatu isu dan tidak terkecung kepada isu perkauman semata-mata. Walaupun sentiasa disogok dan dimomokkan oleh DAP dan PAS dengan isu perkauman seperti dakwaan bahawa kaum Cina dipinggirkan kerajaan BN, namun mereka sebenarnya dapat melihat sesuatu isu itu secara lebih terbuka dan tidak mudah diperkotak katik. Yang jelas mereka tidak mudah terpengaruh dengan hasutan dan propaganda keterlaluan oleh DAP yang boleh menghancurkan keharmonian negara yang sudah dipupuk sejak sekian lama. Pengundi bukan Melayu di Tenang juga sebenarnya menolak dasar perjuangan PAS yang tidak konsisten. Ketika pemimpin PAS tidak membangkitkan isu pembentukan negara Islam di hadapan pengundi bukan Melayu-Islam, pada masa sama mereka berkobar-kobarkan melaksanakan undang-undang Islam dalam kalangan orang Islam di negara ini. Pengundi bukan Melayu tentunya dapat melihat kepincangan dasar perjuangan yang berlaku dalam pakatan pembangkang sama ada dasar DAP, PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Kita percaya jika bukan Melayu tidak mengundi BN sebelum ini, tentu ada alasan yang menyebabkan mereka berbuat begitu.

SIDANG REDAKSI

■ PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP
Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa

■ PENGARANG KUMPULAN BH58
Datuk Mior Kamarul Shahid

■ TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH58
Mahfar Ali

■ PENGARANG EKSEKUTIF
BERITA
Norhayati Md Said

■ PENGARANG EKSEKUTIF
PENGELUARAN
Abdul Razak Ruffis

■ PENGARANG EKSEKUTIF
RENCANA
Zainor Said

Berita Harian diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.
Tel: 03 2282 2323 | Faks: 03 2056 0811 | Laman web: www.bharian.com.my | E-mel: bh@bharian.com.my

SHAMRAHAYU
A AZIZ

Rakyat Mesir cetus satu lagi revolusi

Penduduk manfaat laman web sosial susun strategi

RUSUHAN di Mesir berlanjutan lebih seminggu. Kita berasa bimbang keselamatan warga Malaysia di sana kerana banyak kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa dilaporkan. Sehingga kini tunjuk perasaan bukan saja berlaku di Mesir tetapi menular ke Kedutaan Mesir di London dan Amerika Syarikat.

Rakyat yang merusuh tidak mengendahkan tindakan Presiden Hosni Mubarak (yang memerintah 30 tahun) membuat sedikit perubahan dalam pemerintahan dengan melantik Naib Presiden dan Perdana Menteri baru. Ini kerana rakyat sudah tidak mahukan itu. Apa yang rakyat mahukan ialah perubahan yang lebih besar.

Rakyat Mesir menuntut perubahan pimpinan atau pertukaran regim pemerintah. Apa yang berlaku ini khususnya, adalah natijah daripada rasa tidak puas hati rakyat negara berkenaan terhadap pemimpinnya.

Mungkin tidak silap untuk saya gambarkan keadaan di Mesir ini sebagai satu 'revolusi' walaupun ada yang menganggap ia hanyalah rusuhan yang membabitkan kehilangan nyawa.

Saya katakan keadaan ini sebagai revolusi kerana sifatnya yang menggunakan tekanan dan mahukan perubahan besar. Ia mungkin berbeza dengan apa yang dinamakan evolusi, yang lebih bersifat beransur-ansur dan mengikut peringkat yang dirancang secara lebih ber sistematis.

Secara umum, perkara seperti ini bukan perkara baru di serata dunia. Terdahulu, kita sering merujuk kepada revolusi seperti revolusi Perancis, Nazi dan komunis. Tujuan revolusi ialah menuntut perubahan di dalam sistem pentadbiran kerana tumpuan kuasa kepada pemerintah yang tidak bertanggungjawab.

Revolusi ini berlaku dengan satu persamaan, iaitu perasaan tidak puas hati rakyat kepada pemerintah, sama ada dalam aspek ideologi, agama, politik, sosial atau ekonomi.

Jika dilihat kepada sejarah, Mesir sudah mengalami dua revolusi penting dalam dua episod berbeza - masing-masing pada 1919 dan 1952. Kedua-duanya memaparkan kisah yang lebih kurang serupa, iaitu menentang pemerintahan dan seterusnya membina pemerintahan yang baru.

Revolusi 1919 memberikan kemerdekaan kepada Mesir daripada British. Revolusi kedua, yang bermula pada 1952, menjadikan Mesir sebuah negara republik dengan menghapuskan sistem beraja.

Selepas penghapusan sistem beraja dalam revolusi kedua, Mesir mengamalkan sistem republik. Setelah sistem republik ini diumumkan, rakyat masih juga belum berpuas hati kerana pemimpin dikatakan gagal memenuhi kehendak rakyat.

Ini dapat dilihat di dalam senario kehidupan rakyat Mesir yang terpaksa menelan ketidakadilan sosial di bawah pimpinan Presiden Hosni Mubarak.

Penghapusan kuasa raja tetap gagal

membebaskan Mesir daripada ketidakadilan sosial. Pemerintahan sistem republik umpama di Mesir ini saya anggap sebagai satu kegagalan. Ini kerana 'demokrasi' yang sebegini masih membuka ruang kepada penumpuan kuasa kepada pemerintah.

Satu perkara lain yang menjadi perhatian banyak pihak di dalam perkembangan mutakhir di Mesir ialah penggunaan media baru. Rakyat berhubung melalui internet seperti laman web sosial, terutama Twitter atau Facebook untuk mengumpul pendapat dan menyusun strategi.

Tindakan kerajaan Mesir menyekat akses internet dan laman web sosial ini seolah-olah masih belum mampu membendung rakyat daripada terus membuat rusuhan dengan menjadikan laman sosial ini sebagai penghubung. Semua kita menyadari akan hakikat pengaruh besar laman sosial ini dalam rusuhan di Mesir.

Mungkin saya bukan orang terbaik untuk mengulas apa yang telah, sedang

“*Semoga perkembangan di negara lain memberi pengajaran kepada kita yang menetap di negara yang aman, makmur dan sejahtera ini. Ia boleh mengajar kita supaya lebih berhati-hati menjalankan hak, kuasa dan amanah. Ia juga dapat memberikan kita panduan agar peristiwa berdarah seperti ini tidak berlaku di negara kita. Ia semestinya dapat memberikan kita peringatan supaya sentiasa menjaga kemakmuran dan kestabilan negara*”

apa yang akan berlaku di Mesir akibat daripada penghapusan kuasa raja, sistem republik yang memberi penumpuan kuasa presiden dan juga penumpuan kuasa internet.

Namun begitu, apa yang menjadikan saya berminat untuk sentiasa menatap perkembangan terkini di persada dunia (bukan saja di Mesir) ialah untuk menjadikan ia teladan, ataupun sempadan kepada kita di Malaysia.

Semoga perkembangan di negara lain memberi pengajaran kepada kita yang menetap di negara yang aman, makmur dan sejahtera ini. Ia boleh mengajar kita supaya lebih berhati-hati menjalankan hak, kuasa dan amanah. Ia juga dapat memberikan kita panduan agar peristiwa berdarah seperti ini tidak berlaku di negara kita. Ia semestinya dapat memberikan kita peringatan supaya sentiasa menjaga kemakmuran dan kestabilan negara.

Antara pengajaran yang dapat kita lihat di sini ialah, semua pihak, sama ada pemimpin atau rakyat, mempunyai tanggungjawab masing-masing. Segala tanggungjawab yang terletak di atas bahu setiap kita bukanlah sesuatu yang mudah. Ia adalah amanah dan tidak boleh dikendalikan secara sambil lewa. Ia perlu dilaksanakan dengan adil dan saksama. Penumpuan kuasa kepada sesiapa saja amat jelas akan mendatangkan keburukan.

Sementara itu perubahan di dalam sistem pentadbiran (perubahan daripada sistem beraja kepada sistem republik) tidak semestinya mendatangkan kebaikan - bahkan ia mungkin lebih mendatangkan keburukan. Ini kerana, apa yang telah dilihat sebagai elok dan baik di luar negara tidak semestinya elok dan baik untuk negara kita.

Selain itu, penggunaan komunikasi moden perulah dikendali sebaik mungkin. Mekanisme komunikasi ini perlu digunakan dengan penuh tanggungjawab supaya ia tidak menjadi pendorong kepada pertumpahan darah dan kemusnahan.

Semoga kita kekal dalam sistem yang telah membawa kecemerlangan kepada negara dan kekal mengecapi nikmat kemerdekaan dan kemodenan.

Penulis ialah Penolong Profesor
Kulliyah Undang-Undang Ahmad
Ibrahim UIAM

Cakap-cakap

PERISTIWA di Kaherah berikutan demonstrasi besar-besaran anti-kerajaan Mesir amat membimbangkan, terutama ramai pelajar Malaysia di negara itu. Inilah kesannya jika berlaku konflik politik yang akhirnya menimbulkan pelbagai implikasi. Negara menerima padah dan rakyat menghadapi masalah.

Mamat - baik jadikan teladan, buruk jadikan sempadan



Mamat